



Siaran Akhbar

PASUKAN PETUGAS 5G MALAYSIA BENTUK KUMPULAN-KUMPULAN KERJA PADA MESYUARAT PERTAMA MEREKA

CYBERJAYA, 11 Disember 2018 --- Pasukan Petugas 5G Malaysia (5GT) telah mengadakan mesyuarat mereka yang pertama di ibu pejabat Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) lewat bulan yang lalu. Mesyuarat berkenaan telah dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Sektor Ekosistem Digital dan Komunikasi, Dato' Mohd Ali Hanafiah Mohd Yunus, bersama-sama dengan Timbalan Pengerusi Pasukan Petugas itu, Muniff Kamaruddin daripada Celcom.

Pasukan Petugas itu mempunyai seramai 31 ahli tetap (sila lihat senarai di bawah) merangkumi penyedia-penyedia perkhidmatan, persatuan-persatuan perniagaan, vendor-vendor peralatan komunikasi, pihak akademik, kementerian-kementerian dan agensi. Kesemuanya telah bersetuju untuk mewujudkan empat (4) kumpulan kerja dan memilih pengerusi masing-masing sebagai permulaan. Kesemua kumpulan kerja ini bertujuan untuk bergerak dengan lebih pantas dan efisien serta mengemukakan hasil dapatan mereka dan syor-syor kepada Pasukan Petugas.

"Terdapat banyak organisasi yang menyuarakan minat mereka untuk terlibat. Kami mengalu-alukan mereka berkongsi kepakaran dalam kumpulan-kumpulan kecil yang lebih spesifik," kata Dato' Ali Hanafiah.

"Pasukan Petugas akan menghasilkan laporan bulanan kepada Menteri Komunikasi dan Multimedia bagi memaklumkan kepada beliau perkembangan mutakhir yang telah dicapai oleh Pasukan Petugas. Pasukan Petugas dijangka mengemukakan sebuah laporan komprehensif mengenai Pelan Pelaksanaan 5G Di Seluruh Negara dan Cabaran-Cabaran Utama 5G menjelang suku ketiga tahun 2019," ujarnya lagi.

Kumpulan-Kumpulan Kerja Pasukan Petugas 5G

No	Kumpulan	Bahagian-Bahagian	Pengerusi	Ahli-Ahli
1	Perkara Bisnes (Business Case)	Tren pengguna, keperluan dan kajian permintaan, penerimgunaan 5G, mewujudkan pekerjaan, pertumbuhan KDNK, dsb.	Wakil daripada Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM)	FMM, Crest, MyloTA, MARDI, MAI, MPOC, MAMPU, MDEC, MIGHT, MOE, MMU, UTM
2	Pengagihan dan Pengurusan Spektrum	Pengagihan di ITU, APT dan Malaysia, memerlukan lebar jalur untuk menyokong sasaran-sasaran nasional, mengenal pasti jalur spektrum untuk Malaysia dan	Wakil daripada Celcom	Celcom, Digi, Ericsson, Huawei, Maxis, TM, U Mobile, ZTE

		sebagainya.		
3	Infrastruktur	Keperluan-keperluan dan liputan untuk penempatan 5G secara optimum untuk pelbagai perkhidmatan, analisis jurang mengenai rangkaian sekarang, kos, cabaran-cabaran, <i>right-of-way</i> , dsb.	Wakil daripada Maxis	Maxis, Celcom, Cyberview, Edotco, JKR, PJC, TIME, TM, TNB, TNB-IT, U Mobile, Digi
4	Kawal selia	Standard Teknikal yang akan digunakan, bilangan optimum pengendali mudah alih, menampung model perniagaan masa depan untuk penyedia rangkaian dan pihak berkepentingan yang relevan	Wakil daripada Digi	Digi, Celcom, Cyberview, Edotco, Khazanah, JKR, MTFSB, Maxis, KKMM, KPKT, Perbadanan Putrajaya, TIME, TM, U Mobile

Ahli-ahli tetap Pasukan Petugas

No.	Organisasi
1	Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM)
2	Collaborative Research in Engineering, Science & Technology (Crest)
3	Persatuan IoT Malaysia IoT (MyIoT)
4	Institut Pembangunan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI)
5	Institut Otomotif Malaysia (MAI)
6	Majlis Minyak Kelapa Sawit Malaysia (MPOC)
7	MAMPU
8	MDEC
9	MIGHT
10	Kementerian Pendidikan (MOE)
11	Universiti Multimedia Malaysia (MMU)
12	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
13	Maxis
14	Celcom
15	Cyberview
16	Digi
17	Edotco
18	Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)
19	Perbadanan Putrajaya
20	Time
21	TM
22	TNB
23	TNB IT
24	UMobile
25	Khazanah
26	Malaysian Technical Standards Forum Berhad (MTFSB)
27	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)

28	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
29	Ericsson
30	Huawei
31	ZTE

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

